

09/02/1997

Remaja Islam perlu perhatian serius

Zulkofli Jamaludin

PERANGKAAAN yang didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa 67 peratus gejala sosial di negara ini membabitkan remaja Islam, sungguh mengejutkan. Ini kerana angka itu jauh mengatasi jumlah penduduk Islam negara ini, iaitu 45 peratus.

Sementara remaja Cina yang terbabit dalam gejala itu pula sebanyak 16 peratus berbanding 25 peratus jumlah penduduk Cina di negara ini.

Bagi kita, masalah sosial dan keruntuhan akhlak yang melanda remaja serta keluarga Islam sekarang, boleh menggugat kepesatan pembangunan negara sekiranya langkah mengatasinya tidak diambil segera.

Dilihat daripada puncanya pula, selain ancaman dadah yang menjadi musuh nombor satu negara, rumah tangga yang kucar-kacir dan kurang pendidikan agama juga dipercayai menyebabkan ramai remaja terperangkap dengan masalah keruntuhan akhlak.

Kita bukanlah mahu menyalahkan sesiapa. Seperti kata Dr Mahathir, umat Islam khususnya masyarakat Melayu tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak atau menuding kepada kepesatan pembangunan negara sebagai punca kewujudan masalah sosial yang semakin meruncing ini.

Sebaliknya, masyarakat Islam dan orang Melayu khususnya, haruslah menerima kenyataan bahawa masalah sosial dan keruntuhan akhlak ini lebih hebat daripada orang bukan Islam. Dengan itu, ia perlulah dikaji dan dianalisis supaya jalan penyelesaian dapat diambil segera.

Antara sebab masalah itu berlaku ialah ibu bapa yang sibuk menyerahkan tanggungjawab mendidik anak kepada guru atau pembantu rumah dan apabila kanak-kanak itu boleh berdikari, mereka dibiarkan pula tinggal bersendirian. Malah, mereka juga dibeban dengan tanggungjawab menjaga adik, walaupun mereka sendiri masih memerlukan pengawasan.

Masalah itu menyebabkan ramai remaja membawa haluan masing-masing dan menghabiskan masa berpeleseran dan melepak di gedung beli-belah dan taman rekreasi yang tumbuh seperti cendawan lepas hujan.

Kebebasan dan kurang pengawasan inilah yang menyebabkan ramai remaja terpengaruh serta terperangkap dengan penyalahgunaan dadah, pil ecstasy, minuman keras, bersekedudukan, pembuangan bayi dan menawarkan khidmat seks bagi mendapatkan wang cara mudah untuk berfoya-foya.

Berikutan itu, saban hari kita mendengar ada saja bayi ditemui dalam longkang, sungai, surau, kebun pisang, malah dalam mangkuk tandas pusat beli-belah. Kebanyakan bayi itu pula meninggal dunia dalam keadaan mengerikan.

Pernah tahun lalu tiga kes pembuangan bayi dilaporkan dalam tempoh 10 hari dan dua daripadanya ditemui mati manakala seorang lagi dijumpai dalam keadaan tenat.

Oleh itu, sudah tiba masanya semua pihak menggembleng tenaga bagi mencari strategi berkesan dan bersepadu untuk menangani masalah sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Dalam hubungan ini, kita menyambut baik langkah kerajaan mengadakan mesyuarat khas membabitkan semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan pegawai kanan agensi kerajaan bagi menggerakkan langkah bersepadu untuk mengatasi masalah itu sehingga ke akar umbi.

Namun, kerjasama masyarakat terutama ibu bapa, sekolah, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agama juga penting, terutama dalam menasihati remaja supaya menjauhi gejala buruk yang boleh menjejaskan masa depan mereka dan negara.

Ini tidak harus di pandang ringan, tetapi semua pihak perlu berganding bahu membasminya mulai sekarang. Tidak wajar negeri yang banyak menghadapi masalah keruntuhan akhlak dan keluarga terbabit saja dibebani masalah itu, sedangkan negeri dan ibu bapa lain hanya berpeluk tubuh.

Kita juga tidak boleh terus menerus menyalahkan kepesatan pembangunan dan wujudnya pusat hiburan, kemewahan dan pendedahan kepada multimedia, tetapi tidak ada tindakan diambil untuk mengatasinya.

Apa yang penting, tumpuan hendaklah diberi untuk meningkatkan ketahanan diri remaja terutama menerusi didikan agama dan moral. Pada masa yang sama, masyarakat, terutama ibu bapa sendiri, perlulah menunjukkan contoh yang baik supaya menjadi teladan kepada anak-anak.

Jangan kita menengking anak-anak kerana menghisap rokok atau meminum minuman keras, tetapi kita sendiri merokok dan mabuk di depan mereka. Bak kata pepatah, jangan jadi seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul.

(END)